

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 31. (Oktober, 2007M/Syawal, 1428H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

Selamat Hari Raya Aidil Fitri Maaf Zahir Batin

Pengerusi dan Barisan Ahli Jawatankuasa Surau Al-Ulum, Seksyen 9 Kota Damansara, Selangor ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir Batin kepada semua ahli kariah dan semua umat Islam seluruhnya, semoga kita semua sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Illahi. Dikesempatan ini juga, kami ingin memohon keampunan dari Allah S.W.T serta kemaafan dari semua ahli kariah atas segala kekurangan dan kesilapan, berhati-hatilah ketika dijalan raya.

RAMADAN BERLALU, SYAWAL MENJELANG

Ramadan bulan yang mulia hampir melabuhkan tirainya dan kini Syawal hampir menjelang - bulan meraikan kemenangan. Kemenangan bagi siapa? Untuk orang yang berpuasa? Bagaimana yang tidak puasa, tidak beribadat, tidak sembahyang, mengumpat, berkata cela, mendedahkan aurat, buat maksiat, merokok dan sebagainya. Adakah mereka juga mendapat kemenangan dan boleh turut serta berhari raya?

Maka sekiranya kita gembira dengan berakhirnya Ramadan, tambahan pula meraikannya dengan pelbagai program dan bentuk yang menyalahi ajaran Islam, maka seolah-olah kita meraikan kemerdekaan Syaitan yang telah dipenjara sepanjang Bulan Ramadan. Kalaupun kita tidak tangisi pemergian Ramadan, paling kurang 'paksalah' diri untuk rasa hiba. Marilah kita semak samaada kita tergolong dikalangan mereka yang berjaya menjalani ibadat puasa dan patut diraikan, antaranya:

- Cara kita merayakan hari raya dengan dipenuhi takbir, tahmid dan tahlil; dan tidak leka dengan segala bentuk maksiat/hiburan yang dipaparkan oleh kuncu-kuncu syaitan sepanjang 'Festival Hari Raya.'
- Amat prihatin segala perintah dan larangan Allah, umpamanya menjaga batas-batas pergaulan diantara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Contohnya bersalaman/berjabat tangan dan mendedahkan aurat hanya dengan lelaki mahram sahaja.
- Memiliki sifat-sifat mahmudah, umpamanya sifat pemurah, sabar, kasih sayang, pemaaf dan sebagainya.

- Semakin rajin mengerjakan suruhan Allah, umpamanya mengimarahkan surau/masjid (solat berjemaah, menghadiri kuliah/kelas pengajian dan sebagainya), membaca Al-Quran dan lain-lain lagi
- Mengadakan majlis jamuan hari raya yang dihiasi dengan kuliah/tazkirah ringkas, zikir dan nasyid dan menjamu (secara berpadu) terutamanya kepada golongan yang kurang berada.

Jika diselami secara mendalam terdapat perbezaan sambutan hari raya bagi orang yang bertaqwa serta merasai nikmat puasa dan orang yang berpuasa tetapi kurang penghayatannya atau orang yang memang tidak puasa dan melanggar perintah Allah s.w.t. Kenapa dinukilkan "orang yang bertaqwa" oleh penulis? Semua orang Islam beriman walau pun dia tidak puasa, tidak sembahyang, tidak keluarkan zakat dan sebagainya dalam perintah Allah kerana mereka mengucap dua kalimah syahadah dan yakin Allah itu ada dan Nabi Muhammad adalah rasulNya. Inilah golongan yang disebut oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran sebagai golongan *khasirun* iaitu yang rugi. Tetapi golongan yang *muttaqin* yang disebut oleh Allah s.w.t dan ditafsirkan sebagai orang yang:

1. Takutkan Allah dalam erikata hampir dengan Allah s.w.t
2. Melakukan segala perintah Allah s.w.t dan meninggalkan apa yang dilarangnya.
3. Orang yang membaca al-Quran dan faham serta mengamalkan isinya.
4. Orang yang sentiasa mengingatkan mati dan bersiap sedia untuk menghadapinya.
5. Bila datangnya Ramadhan gembira ia dan apabila datang Syawal sedih ia kerana belum tentu akan dapat kembali menghadapi Ramadhan yang akan datang.

bersambung di muka 4

ooooooooooooo

Doa Ziarah Hari Raya

"Segala puji bagi Allah, tuhan pentadbir sekalian alam. Rahmat dan sejahtera keatas junjungan kami Nabi Muhammad semulia-mulia rasul dan juga atas sekalian keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Ya Allah wahai tuhan yang mentadbir seluruh keadaan, tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Agung, dengan limpah kemurahanMu tukarkanlah apa kiranya keadaan kami ini kepada sebaik-baik keadaan. Berkatilah kami dan sekalian kaum muslimin dengan sempena Syawal ini. Ya Allah tuhan yang Dialah sebaik-baik tempat dihadapan permohonan, perkenankanlah doa kami ini dan kurniakanlah lagi peluang menemui Syawal ditahun-tahun yang akan datang, dan berkatilah tuan rumah ini(nama tuan rumah) serta lanjutkan umurnya dalam iman, kurniakanlah kepadanya rezeki yang halal dan selisihkanlah daripadanya rezeki yang haram, berkat limpah rahmat Mu jua ya Allah tuhan sebaik-baik yang mengurniakan rahmat. Cucurilah rahmat dan sejahtera atas junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w dan sekalian keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Segala pujian itu bagi Allah tuhan pentadbir seluruh alam. Amin

WATER

Most of our planet is covered with water. Oceans and seas make up three fourths of the earth's surface while the land itself contains countless numbers of rivers and lakes. The snow and ice on the summits of lofty mountains is water in its frozen form. A substantial part of the earth's water is in the sky: every cloud contains thousands--sometimes millions-of tons of water in the form of vapor. From time to time, some of this water vapor turns into drops of liquid and falls to the ground: in other words, it rains. Even the air you're breathing now contains a certain amount of water vapor.



Berjayakan Ujian Bulan Ramadan Anda?

Setelah sebulan kita mengharungi dugaan dan cabaran di bulan Ramadan untuk menjadi insan yang benar-benar tawaduk kepada Allah s.w.t, kita harus menilai dan membuat koreksi pada diri sendiri agar amalan kita sentiasa dipertingkatkan.

Di bawah ini di bawa 19 perkara yang perlu diteliti untuk menilai sejauh mana ramadan yang kita lalui itu benar-benar dihayati. Di bulan Ramadhan, pintu neraka ditutup dan pintu syurga dibuka lebar-lebar. Namun banyak orang gagal mendapatkan kemuliaannya. Di bawah ini cara-cara menghindarkan diri dari gagal dalam Ramadhan:

1. Kurang melakukan persiapan di bulan Sya'ban. - tidak tumbuh keinginan melatih bangun malam dengan shalat tahajjud dan tidak melakukan puasa sunnah Sya'ban, sebagaimana telah disunnahkan Rasulullah Shallallaahu'alaihi wa sallam. Dalam hadits Bukhari dan Muslim, dari Aisyah Radhiallaahu'anha berkata, *"Saya tidak pernah melihat Rasulullah berpuasa sebulan penuh selain di bulan Ramadhan, dan saya tidak pernah melihat beliau banyak berpuasa selain di bulan Sya'ban."*

2. Senang melewati-lewatkan shalat fardhu. - tidak segera mendirikan shalat tepat pada waktunya. Misalnya menjalankan shalat zhuhur menjelang waktu ashar, ashar menjelang maghrib, shalat maghrib menjelang isya, shalat isya menjelang waktu subuh serta tidak segera shalat subuh hingga terbit matahari.

3. Malas menjalankan ibadah-ibadah sunnah. - Mendekatkan diri kepada Allah dengan melaksanakan ibadah-ibadah sunnah merupakan ciri orang yang shalih. *"Dan hamba-Ku masih mendekatkan diri kepada-Ku dengan ibadah-ibadah sunnah, sampai Aku mencintainya."* (Hadits Qudsi)

4. Kikir dan rakus pada harta benda. - Takut rugi jika mengeluarkan banyak infaq dan shadaqah adalah tandanya. Cinta dunia serta gelimang kemewahan hidup sering membuat manusia lupa akan tujuan hidup sesungguhnya. Mendekat kepada Allah Subhaanahu wa ta'ala, akan menguatkan sifat utama kemanusiaan (Insaniyah).

5. Malas membaca Al-Qur'an. - Orang-orang shalih di masa lalu menghabiskan waktunya baik siang maupun malam Ramadhan untuk membaca Al-Qur'an. *"Ibadah ummatku yang paling utama adalah pembacaan Al-Qur'an."* (HR Baihaqi). Kebiasaan membaca Al-Quran ini harus nampak berlanjut setelah Ramadhan pergi, sebagai tanda keberhasilan latihan di bulan suci.

6. Mudah mengumbar amarah. - Ramadhan adalah bulan kekuatan. Nabi Saw bersabda: *"Orang kuat bukanlah orang yang selalu menang ketika berkelahi. Tapi orang yang kuat adalah orang yang bisa menguasai diri ketika marah."*

7. Gemar bicara sia-sia dan dusta. - *"Barangsiapa tidak meninggalkan perkataan dusta perbuatan Az-Zur, maka Allah tidak membutuhkan perbuatan orang yang tidak bersopan santun, maka tiada hajat bagi Allah padahal dia meninggalkan makan dan minumannya."* (HR Bukhari dari Abu Hurairah) Umar ibn Khattab Ra berkata: "Puasa ini bukanlah hanya menahan diri dari makan dan minum saja, akan tetapi juga dari dusta, dari perbuatan yang salah dan tutur kata yang sia-sia." (Al Muhalla VI: 178) Ciri orang gagal memetik buah Ramadhan kerap berkata di belakang hatinya.

8. Memutuskan tali silaturahmi. - Ketika menyambut datangnya Ramadhan Rasulullah Saw bersabda: *"Barangsiapa menyambung tali persaudaraan (silaturahmi) di bulan ini, Allah akan menghubungkan dia dengan rahmat-Nya. Barang siapa memutuskan kekeluargaan di bulan ini, Allah akan memutuskan rahmat-Nya pada hari ia berjumpa dengan-Nya"*

9. Menyia-nyiakan waktu. - Termasuk gagal dalam ber-Ramadhan orang yang lalai atas karunia waktu dengan melakukan perbuatan sia-sia, kemaksiatan, dan huru-hura. Disiplin waktu selama Ramadhan semestinya membekas kuat dalam bentuk cinta ketertiban dan keteraturan.

10. Resah dalam menjalani hidup. - Perasaan khawatir, risau, serta gelisah dalam menjalani hidup juga tanda gagal Ramadhan. Bila seseorang meraih berkah bulan suci ini, jiwanya mantap, hatinya tenteram, perasaannya tenang dalam menghadapi keadaan apapun.

11. Tidak bersemangat mensyiarkan Islam. - Salah satu ciri utama alumnus Ramadhan yang berhasil ialah tingkat taqwa semakin kuat serta semangat mensyiarkan Islam. Jika semangat ini tak ada, gagal lah Ramadhan seseorang.

12. Khianat terhadap amanah. - orang yang gagal Ramadhan mudah mengkhianati amanah, baik dari Allah maupun dari manusia.

13. Rendah motivasi hidup berjamaah. - Frekuensi shalat berjama'ah di masjid meningkat tajam selama Ramadhan. Ramadhan seharusnya menguatkan motivasi untuk hidup berjama'ah.

14. Tinggi ketergantungannya pada makhluk. - Jika jiwa seseorang berhasil merdeka dari hawa nafsu dan syahwat setelah Ramadhan, maka yang mengendalikan dirinya adalah fikrah dan akhlaq. Orang yang tunduk dan taat kepada Allah lebih mulia dari mereka yang tunduk kepada makhluk.

15. Malas membela dan menegakkan kebenaran. - Sejumlah peperangan dilakukan kaum Muslimin melawan tentara-tentara kafir berlangsung di bulan Ramadhan. Kemenangan Badar yang spektakuler itu dan penaklukan Makkah (Futuh Makkah) terjadi di bulan Ramadhan. Jika bulan suci ini tidak memberi bekal perjuangan baru yang bernilai spektakuler, maka kemungkinan besar ia telah meninggalkan kita sebagai pecundang.

16. Tidak mencintai kaum dhuafa. - Syahrul Rahmah, Bulan Kasih Sayang adalah nama lain Ramadhan, karena di bulan ini Allah melimpahi hamba-hamba-Nya dengan kasih sayang terhadap orang-orang yang paling lemah di kalangan masyarakat seperti Faqir miskin, anak-anak yatim dan mereka yang hidup dalam kemelaratan. Rasa cinta kita terhadap mereka seharusnya bertambah. Jika tidak bertambah berarti Anda perlu segera introspeksi.

17. Salah dalam memaknai akhir Ramadhan. - Khalifah Umar ibn Abdul Aziz memerintahkan seluruh rakyatnya supaya mengakhiri puasa dengan memperbanyak istighfar dan memberikan sadaqah, karena istighfar dan sadaqah dapat menambal yang robek-robek atau yang pecah-pecah dari puasa serta sering melakukan muhasabah (introspeksi) diri. Adakah anda melakukannya?

18. Sibuk mempersiapkan Aidilfitri - Kebanyakan orang semakin disibukkan oleh urusan yang pelbagai menjelang Aidilfitri dan lupa bahwa 10 malam terakhir merupakan saat-saat genting yang menentukan nilai akhir kita di mata Allah dalam bulan mulia ini. Menjadi pemenang sejati atau pecundang sejati.

19. Aidilfitri dianggap hari kebebasan. - Secara harfiah makna Aidilfitri berarti hari kembali ke fitrah. Namun kebanyakan orang memandang Aidilfitri laksana hari dibebaskannya mereka dari penjara Ramadhan. Akibatnya, hanya beberapa saat setelah Ramadhan meninggalkannya, ucapan dan tindakannya kembali cenderung tak terkawal, syahwat dan berahi dipenuhi sebanyak-banyaknya.

Sumber: *Hidayatullah

Aidilfitri Yang Mulia: Adakah kita tidak mencemarinya?

Kesejahteraan dan keamanan Malaysia membuat kita begitu bahagia dan harmoni dalam menyambut apa jua perayaan keagamaan terutamanya Hari Raya Aidilfitri. Hari Raya Aidilfitri kita sambut dengan begitu mariah sekali dengan pelbagai hiasan dan kelipan lampu-lampu serta nyanyian lagu-lagu khusus hari raya. Tanpa semuanya itu hari raya bagaikan hambur. Itulah yang telah terbiasa dan menjadi amalan setiap tahun.

Pada hari ini kebanyakan umat Islam merayakan Aidilfitri bukan lagi seperti yang dituntut oleh agama Islam tetapi kebanyakannya telah diresapi dengan nilai budaya agama lain. Sebagai contoh kebanyakan umat Islam mengiasi rumah dengan lampu "Color Light" ini adalah menyerupai dengan orang yang merayakan Hari Krismas, kedua umat Islam Malaysia memasang lampu pelita atau panjut, ini juga menyerupai orang yang merayakan Deepavali, disamping itu ada juga pembakaran mercun dan bunga api oleh setengah masyarakat Islam yang mana budaya ini adalah pengaruh acara keagamaan perayaan Tahun Baru Cina.

Bila kita merujuk kembali kepada larangan Rasulullah iaitu beginda melarang kita dari mengikuti jejak langkah Yahudi dan Kristian serta menela setiap sahaja yang mengikuti cara hidup mereka, meniru kebiasaan mereka, tradisi dan lambang mereka. Ini adalah dalil yang jelas. Syariah menekankan lagi pengharaman ini sebagaimana sabda Rasulullah Shallallahu alaihi wasallam, *"Barang siapa menyerupai satu kaum maka mereka adalah dari mereka."* (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Dimanakah identiti perayaan Islam sebenar. Kenapa kita campurkan budaya keagamaan lain ke dalam perayaan agama kita Islam yang suci. Siapa yang harus bertanggungjawab ke atas kebatilan ini. Apa kah kita akan membiarkan pencemaran ini terus berlaku untuk menjadi amalan generasi muslim seterusnya.

Sekian, renung-renung dan fikir-fikiranlah. Wallahuallah

THE BENEFITS OF DATES

Muslims generally break their fast by eating dates. Prophet Muhammad (sallallahu alaihi wassallam) is reported to have said: "if anyone of you is fasting, let him break his fast with dates. In case he does not have them, then with water. Verily water is a purifier."

The Prophet (sallallahu alaihi wassallam) used to break his fast by eating some dates before offering Maghrib prayer, and if ripe dates were not available, he used to substitute them with some dried grapes. When they too were not available, he used to have a few sips of water, according to some reports. Modern science has proved that dates are part of a healthy diet. They contain sugar, fat and proteins, as well as important vitamins. Hence the great importance attached to them by the Prophet (sallallahu alaihi wassallam).

Dates are also rich in natural fibres. Modern medicine has shown that they are effective in preventing abdominal cancer. They also surpass other fruits in the sheer variety of their constituents. They contain oil, calcium, sulphur, iron, potassium, phosphorous, manganese, copper and magnesium. In other words, one date is a minimum of a balanced and healthy diet. Arabs usually combine dates with milk and yogurt or bread, butter and fish. This combination indeed makes a self-sufficient and tasty diet for both mind and body. Dates and date palms have been mentioned in the Holy Qur'an 20 times, thus showing their importance. The Prophet likened a good Muslim to the date palm, saying, "Among trees, there is a tree like a Muslim. Its leaves do not fall."

Sayyidah Mariam (alaiyhas salaam) mother of Isa (alaiyhis salaam) had dates as her food when she felt labour pains and during confinement. They are definitely the "crown of sweets," and ideal food which is easy to digest, and within half an hour of taking it, the tired body regains a renewed vigour. The reason for this is that a shortage of sugar in the blood is the main factor that makes people feel hungry and not an empty stomach as is often assumed. When the body absorbs the nutritional essence of a few dates, the feeling of hunger becomes appeased. When one breaking the fast with dates and takes some other food afterwards, he cannot eat much. It would seem that breaking the fast with dates then helps one avoid excessive eating.

Experiments have also shown that dates contain some stimulants that strengthen the muscles of the uterus in the last months of pregnancy. This helps the dilation of the uterus at the time of delivery on one hand and reduces the bleeding after delivery on the other. Dieticians consider dates as the best food for women in confinement and those who are breast-feeding. This is because dates contain elements that assist in alleviating depression in mothers and enriching the breast-milk with all the elements needed to make the child healthy and resistant to disease. The Prophet (sallallahu alaihi wassallam) has emphasized the importance of dates and their effectiveness in the growth of the fetus. He has also recommended they be given to women. Modern dietary institute now recommend dates to be given to children suffering from a nervous nature or hyperactivity. The Prophet (sallallahu alaihi wassallam) has also recommended dates as a medicine for heart troubles, according to some reports. Modern science has also proved the effectiveness of date, in preventing diseases of the respiratory system.

Sayyidah Ayisha, (R.A.) wife of Prophet (sallallahu alaihi wassallam), used to prescribe dates for those suffering from giddiness. It is now well known that a fall in the level of the sugar in the blood and low blood pressure are among the causes of giddiness. She was also reported to have used dates combined with cucumber to treat her over-slim condition! She said, "they've tried to fatten me giving me everything. But I did not become fat. Then they fattened me with cucumber and ripe dates and I gained!" Ayisha was quite correct, as we now know that one-kilogram of dates contains nearly 3,000 calories, which alone are sufficient to supply the minimum daily requirements of an active man for one full day.

Dates are rich in several vitamins and minerals. When the level of trace elements falls in the body, the health of the blood vessels is affected leading to an increased heart rate and a consequent inability to perform its function with normal efficiency. As dates are also rich in calcium, they help strengthen the bones. When the calcium content in the body decreases, children are affected with rickets and the bones of adults become brittle and weak.

Dates are also important in keeping up the health of eyes. It is quite effective in guarding against night-blindness. In the early years of Islam, dates served as food for Muslim warriors. They used to carry them in special bags hung at their sides. They are the best stimulant for muscles and so the best food for a warrior about to engage in battle.

The Prophet (sallallahu alaihi wassallam) used to combine dates with bread sometimes. At other times he mixed ripe dates with cucumber, or dates combined with ghee. He used to take all varieties of dates, but he preferred the variety called Ajwah. Source: <http://members.muslimsites.com/skalghazal>

The concept of 'Community' in Islam

The social life of the true Muslim is based upon supreme principles on designed to secure happiness with prosperity for the individual as well as for the society. Class welfare, social castes and domination of the individual over society or vice versa are alien to the social life of Islam. Nowhere in the Quran or in the traditions of the Prophet Muhammad (PBUH) can one find any mention of the superiority on account of class or origin or wealth. On the contrary, there are many verses of the Quran and sayings of Muhammad (PBUH) to remind mankind of the vital facts of life, facts which serve at the same time as principles of the social structure of the Islamic life.

According to Islam, the final goal of humanity is God. From Him we come, for Him we live and to Him we shall all return. In fact, the sole purpose of creation as described by the Quran is to worship God and to serve His cause, the cause of truth and justice, of love and mercy, of brotherhood and morality (Surah 51:56-58).

The individual is responsible for the common welfare and for the prosperity of his society. This responsibility is not only to the society but also to God. In this way the individual works with a sound social mindedness and a genuine feeling of inescapable responsibility. It is his rule to do the utmost for his society and to contribute to its common welfare. On the other hand, the society is also responsible to God for the welfare of the individual. When the individual is able he is the contributor and society is the beneficiary. In return he is entitled to security and care, should he become disabled. In this case he is the beneficiary and society is the contributor. So duties and rights correspond harmoniously. Responsibility and concern are mutual. There is no state to dominate the individual and abrogate his personal entity.

Likewise, there is no individual or class of individuals to exploit the society and corrupt the state. There is harmony with peace and mutual security. There is a constructive interaction between the individual and the society.

The structure of social life in Islam is very lofty, sound and comprehensive. Among the substantial elements of the structure are the sincere love for one's fellow human beings, mercy for the young, respect for the elders, comfort and consolation for the distressed, visiting the sick, relieving the grieved, genuine feelings of brotherhood and social solidarity; respect for the rights of other people to life, property, and honour; mutual responsibility between the individual and society, it is a common thing to come across prophetic statements like these:

"Whoever relieves a human being from a grief of this world, God will relieve him from a grief on the Day of Judgement."

"Anyone who has no mercy on the juniors and respect for the seniors is not one of us Muslims"

"None of you is a true believer of Islam until and unless he loves for his fellow man what he loves for his own self."

"Whoever invites others to good is like the doer of good and will be rewarded accordingly, and whoever instigates evil is like the doer of evil and will be punished accordingly."

In the Quran, on the other hand, one finds numerous divine instructions like these: "Oh you who believe! Mind God as He should minded, and die not except in a state of Islam. And hold fast, all together, by the Rope of God, and be not divided among yourselves. And remember with gratitude God's favour on you; for you were enemies and He joined your hearts in love, so that by His grace you have become brethren; and you were on the brink of the Pit of Fire and He saved you from it. Thus does God make His signs clear to you that you may be guided. Let there arise out of you a band of people inviting to all that is good, enjoining what is right, and forbidding what is wrong. They are the ones to attain felicity." (Surah Al-Imran 3:102-104)

"Oh you who believe! Fulfil all obligations. . . and help you one another in righteousness and piety, but help you not one another in sin and rancour. Mind God; for God is strict in punishment." (Surah Al-Maidah 5:123)

Petikan Al-Quran dan Hadith

"Hai orang-orang yang beriman, makanlah diantara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah." Maksud Surah Al-Baqarah ayat 172

Seorang pemuda bertanya Rasulullah saw: "Islam manakah yang paling baik?" Baginda saw bersabda: "Memberikan makanan, serta mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenal dan orang yang tidak kau kenal." Hadith Riwayat Muslim

sambungan dari muka 1 Ramadan Bertalu Syawal Menjelang

Mari kita lihat apa yang diperolehi oleh orang yang bertaqwa itu. Jika diteliti dari beberapa hadis Nabi s.a.w terdapat beberapa manfaat dari hari raya Edul Fitri dan bulan Syawal itu sendiri:

1. Mendapat keampunan dari Allah s.w.t.
2. Doa' diterima oleh Allah s.w.t.
3. Melimpah ruah rahmat Allah ke atas orang yang berpuasa dan menyambutnya.
4. Mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Ketika Ramadhan kita diberi sedikit panduan untuk menghadapinya supaya lebih teratur serta amalan dibulan ini diterima oleh Allah s.w.t. bahkan terdapat banyak pantang larang yang menjadi ikutan umat Islam bila datangnya Ramadhan. Begitu juga Syawal atau hari raya yang disambut oleh umat Islam. Terdapat garis panduan serta sunnah-sunnah yang ditekan oleh Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. antaranya:

1. Hendaklah menunaikan Solat Edul Fitri sebagai tanda syukur kepada Allah di atas nikmat yang diberikan kepada kita.
2. Mengucapkan lafaz tahniah atau selamat kepada saudara seislam serta mendoakan keatas saudara kita.
3. Bermaaf-maafan diantara satu sama lain terutama kepada ibubapa, saudara kandung, saudara mara juga jiran tetangga. Bermaafan juga dapat menyimpulkan kembali persaudaraan yang telah longgar atau pun terputus bahkan mendapat rahmat yang tidak terhingga dari Allah s.w.t serta para malaikat berdoa ke atasnya
4. Saling ziarah menziarahi sanak saudara untuk mengeratkan lagi persaudaraan
5. Menjamu makanan bagi tetamu sebagai tanda menerima rahmat Allah s.w.t. kerana setiap kedatangan tetamu itu merupakan rahmat
6. Menziarai perkuburan untuk menginsafi diri dan merenung tahun hadapan samaada kita punya kesempatan untuk berhari raya lagi
7. Tidak membazir atau berlebihan kerana ini membawa bencana kepada orang yang mengamalkannya dihari raya.
8. Berpakaian yang baik-baik dan menurut syariat serta jangan jadikan hari raya sebagai wadah fesyen yang mendatangkan maksiat.

Lapan pekara ini adalah amalan penting bagi mereka yang ingin memiliki Edul Fitri yang sangat sempurna dan harus diingat duit raya bukanlah perkara yang utama dan juga bukan amalan kita Umat Islam tetapi dibolehkan sebagai imbuhan dunia.

Ketahuiilah wahai saudara/saudari sekalian bahawa amalan rumah terbuka sebenarnya lebih afdal jika dilaksanakan dibulan Ramadan, kerana ganjaran pahala memberi makan orang yang berbuka puasa itu amat besar dan segala amalan dibulan Ramadan dilipat-gandakan.

Ketahuiilah jua bahawa hiburan yang melekakan yang dipaparkan sempena Hari Raya sebenarnya menjatuhkan maruah umat Islam dan seolah-olah mengejek roh semangat Eidul Fitr' dimana inilah masanya untuk kita memanjangkan silaturrahim dan saling maaf bermaafan sesama saudara mara, ahli keluarga dan sahabat taulan samaada yang sering kita temui lebih-lebih lagi yang kita hanya dapat bersua setahun sekali.

Semuga Eidul Fitr' ini akan menambahkan ketaatan dan ketakwaan kita kehadrat Illahi, ampun maaf . Wallahu alam. Petikan Buletin As-Sahabah

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

- JKK Penerbitan & Komunikasi

BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



Program Ihyat' Ramadan – Sepanjang Ramadan ini Program Ihyat' telah dapat dijalankan dengan jayanya di surau kita;

a. Solat Terawih & Witr dengan Imam jemputan Ust Nuruddin Abd Rahim Al-Hafiz dari Subang

b. Tahlil Ringkas setiap malam disamping memungut dana surau telah mendapat sambutan yang amat menggalakan. Lebih RM1000 telah berjaya dipungut bagi membiayai program surau dimasa akan datang.

c. Majlis Iftar/Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim dari Kg Medan, Kelang dan sekitar Kota Damansara telah diadakan pada 22 Sept. 2007. Pada 29 Sept. 2009 satu lagi majlis dengan anak yatim dari Country Home Rawang dengan kerjasama Takaful Prudential Sdn Bhd manakala Majlis Iftar keluarga Al-Ulum telah diadakan pada 9 Oktober, 2007 dengan sambutan/sumbangan yang amat menggalakan

d. Pungutan Derma untuk orang perseorangan, sekolah pondok, madrasah dalam dan luar negara turut dijalankan. Orang Perseorangan adalah bagi tujuan membiayai pengajian di luar negara seperti Mesir (Azhar), Yaman dan Indonesia; manakala sumbangan untuk pertubuhan/madrasah/sekolah pondok antaranya dari Afganistan, Yala (Thailand), Jambi (Indonesia), Kelantan, Perak, Kedah dan lain-lain

e. Majlis Ilmu berjalan setiap malam selepas solat Terawih/Witr. Antara tokoh yang turut diundang – Dato' Dr Hassan Ali, Ust Idris Ahmad, Ust Malik (JAWI), Ust Mohd Meeftah (JAWI), Ust Muhadir (UIA), Ust Halim Din (LZS) Ust Ahmad Kauthari, Ust Mohd Fadzil Ismail, Ust Kamal Mahadi (Kementerian Pelajaran) dan lain-lain lagi.

Bacaan Yaasin dan Tahlil Arwah - Sepanjang tahun Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis bacaan Yaasin dan tahlil arwah selepas solat Maghrib bertujuan untuk pengimarahkan surau serta memberi peluang kepada semua untuk memberikan sedekah kepada arwah mereka yang dikasihi. Tuan/puan yang berhajat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas kepada mana-mana AJK Surau.

Jadual Pengajian Di Surau Al-Ulum KD9, Insa' Allah akan disambung semula mulai 1 November, 2007. Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang akan diaturnya dan teruskan amalan kita untuk mengimarahkan surau.

Jadual Aktiviti / Pengajian Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/10 (Isnin)	Ust. Ramadan (UAI)	Tauhid
02/10 (Selasa)	Ust. Faisal (Darul Quran Pasir Mas)	Tasau
03/10 (Rabu)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
04/10 (Khamis)	Ust. Mohd Fauza Mohd Ali	Umum
05/10 (Jumaat)	Ust. Idris Ahmad	Umum
06/10 (Sabtu)	Ust. Mohd Meeftah (JAWI)	Umum
07/10 (Ahad)	Ust. Tajuddin Abu Bakar	Umum
08/10 (Isnin)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
09/10 (Selasa)	Ust. Ahmad Al-Khauthari	Tafsir
10/10 (Rabu)	Ust. Adli Saad	Umum
11/10 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL	
12/10 (Jumaat)	TAKBIR RAYA EIDUL FITRI	
13-31 /11 (Sabtu-Rabu)	Program Ziarah Hari Raya Eidul Fitri	

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturnya, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'topok-topok hitam' dalam hati kita